

Kertas Kerja  
**DATIN HAJAH MASNI BINTI HAJI MOHD ALI**  
Yang Dipertua Majlis Wanita NBD, dan Yang Dipertua BASMIDA  
bagi  
Forum Seminar Hari Kebangsaan Kali Ke-21 dengan tema:  
**“Bersepadu Memperkasa Mandiri Bangsa”**  
pada hari Khamis 31 March 2005, pukul 2.00 - 2.30 petang  
di Dewan Canselor UBD, anjuran UBD dan Dewan Bahasa & Pustaka.

**“TOGETHER EMPOWERING RESILIENCE OF THE NATION,  
OR  
TOGETHER EMPOWERING THE PEOPLE TO BE RESILIENT”.**

### ***Stakeholders***

Salah satu unsur (sifat) dinamik patriotisma yang telah dikenal pasti bagi semangat “mandiri”, ialah sifat-sifat:

- tidak bergantung kepada orang lain,
- berdikari sendiri,
- berusaha sendiri,
- “bakarlah” sendiri tanpa terminta-minta,
- tidak mengharapkan “keistimewaan” daripada sesiapa pun atau menerima “keistimewaan” tanpa mempunyai sebab tertentu

supaya dapat mencapai ketahanan, *resilience* negara. Dalam kamus Oxford, sifat *resilience* bermaksud mempunyai keupayaan bagi mudah pulih semula dari sebarang kegagalan atau kemunduran (*setback*). (Keistimewaan yang disebut di sini bukanlah “keistimewaan jawatan” yang diperolehi oleh usaha gigih/ kerja gigih/tanggungjawab dan jawatan tinggi).

Semangat "mandiri" ini hendaklah

- dikukuhkan,
- dikuatkan,
- diperkasakan (*empower*),
- disuntik, diinjek,

ke satu tahap dalam kesatuan semangat pasukan, "kitani", "setiakawan" atau *teamwork*, ke dalam semangat "patriotisma" yang menjadi teras bangsa, untuk melibatkan semua rakyat dan penduduk termasuklah wanita, semua kumpulan *SME* dan golongan *elite* sebagai sebahagian kumpulan *stakeholders* dalam membangun negara.

Siapakah dia *stakeholders* dalam pembangunan negara? Saya berpendapat kita semua rakyat negara ini yang berlindung di bawah panji-panji Negara Brunei Darussalam adalah *stakeholders*. Semua rakyat yang mempunyai *stake*, mempunyai kepentingan dalam perkembangan dan kemajuan masa depan negara.

Di negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi secara menyeluruh, biasanya cukai dikenakan kepada rakyat dan penduduk untuk digunakan bagi membiayai perbelanjaan dan perjalanan termasuk pentadbiran kerajaan. Rakyat yang bertanggungjawab membayar cukai sebagai *stakeholders* juga berhak bersuara dan memberi pandangan dan fikiran bagaimana has pendapatan wang cukai itu dibelanjakan oleh kerajaan bagi kemajuan negara, melalui sistem perwakilan rakyat dan badan-badan, media masa dan seterusnya melalui sistem parlimen.

Pada masa ini kita di NBD, saya percaya sebagai misalan; para pembentang kertas kerja dan peserta seminar ini adalah merupakan stakeholders dan golongan *elite* masa depan negara. Seperti dalam buku cerita *Animal Farm*, semua binatang adalah sama baik dalam kedudukannya, tetapi ada binatang yang lebih baik. Begitulah juga dengan manusia dan sama jua di negara kita, mereka yang berusaha gigih, berkebolehan, berbakat, mempunyai kemahiran, kepandaian, kepakaran boleh mencapai kedudukan yang tinggi menjadi pemimpin dalam kerajaan, jabatan, bahagian, universiti, kampung, persatuan NGO, syarikat masing-masing. Inilah yang digelar kumpulan *elite* di mana mereka ini dalam situasi ideal merupakan penggerak jentera *the shakers and movers* dalam pembangunan, di dalam masyarakat yang berasaskan *merit* di mana semua orang berpeluang untuk mencapai kejayaan sama ada lelaki atau perempuan.

#### **Wanita dan “*Meritocracy in good governance*”**

Berasaskan penglibatan saya selama ini di dalam beberapa NGO wanita peringkat kebangsaan dan serantau dan antarabangsa dan menjadi ahli dalam beberapa Jawatankuasa (JK) Kebangsaan Menangani Isi-Isu Sosial; JK Kerja Kemudahan Mesra Keluarga di Bangunan Kerajaan; Lembaga Pusat Pembangunan Belia; JK Penasihat Pusat AIslah dan lain-lain; dan saya juga pernah bertugas dalam sektor kerajaan dan syarikat kepunyaan kerajaan *Government-owned company* maka saya akan membincangkan topik “memperkasa mandiri bangsa” khususnya berhubung dengan penglibatan wanita dari sudut:

- a. gender kesamaan/persamaan, gender jurang, dan gender diskriminasi, dan peranan wanita dalam peringkat pembuat dasar dan pembangunan negara
- b. *Social mobility*
- c. dan isu “Ali-Baba”/pekerja asing

Bagaimana kita dapat memperkasa wanita dalam samasama membangun negara dan kenapa penting berbuat demikian. Sekarang di Negara Brunei peratus penduduk wanita adalah 49%, sementara di seluruh dunia adalah 50%. Dengan semakin tinggi tahap pendidikan, dan tahap literasi di Brunei yang tertinggi serta semakin tinggi peluang pendidikan, maka jumlah pekerja wanita dalam Perkhidmatan Awam semakin bertambah.

ANNEX 1 menunjukkan peratus wanita sekarang meningkat kepada 48 % berbanding dengan tahun 2000 dimana peratusnya ialah 46%. Secara lisan saya telah diberitahu iaitu penuntut perempuan di peringkat menengah atas dan UBD adalah lebih kurang, atau melebihi 50% dari lelaki. Oleh itu, nyata potensi wanita memberi impak sosial, impak ekonomi, impak politikal adalah amat dalam.

Ditambah lagi dengan tren masa kini iaitu dengan globalisasi, dengan ICT, dan zaman pengguna (*consumer era*), maka wanita sekarang adalah diiktiraf sebagai *an emerging economic force*.

### **GENDER GAP**

Annex 2 pula menunjukkan saiz perkhidmatan awam sebanyak 42,398 di mana hanya 140 orang wanita dalam peringkat membuat dasar "decisionmaking level" iaitu Bahagian I, berbanding dengan 524 orang lelaki. Dalam Bahagian II, Bahagian III, Bahagian IV, Bahagian V pula, nisbah pekerja wanita dan pekerja lelaki adalah hampir sama. Inilah yang dikatakan ruang atau perbezaan gender atau *gender gap*.

Di dunia barat, perubahan besar dalam persamaan gender (*gender equality*) telah berlaku sejak beberapa dekad yang lalu ini. Ini adalah disebabkan kepada perubahan ke atas taraf wanita yang dibawa oleh:

- ✚ Perkembangan pendidikan (*knowledge development*),
- ✚ Pemerdayaan wanita (*women empowerment*),
- ✚ Peningkatan kuasa ekonomi wanita (*increasing economic power*),
- ✚ Pemerintahan baik (*good governance*).

Adalah menjadi satu kepentingan semua masyarakat supaya jurang gender ini dikurangkan supaya bertambah ketua-ketua wanita yang akan mempertahankan kepentingan wanita, keluarga, masyarakat dan kanak-kanak. Perkara-perkara yang menjadi kebimbangan wanita '*women's concerns*' adalah berbeza daripada lelaki.

Isu wanita atau isu gender ini bukan sahaja memberi kesan kepada wanita, tetapi isu ini mempunyai implikasi yang mendalam kepada semua masyarakat. Sebuah negara tidak akan mampu memperkembangkan ekonominya dalam ekonomi sejagat yang semakin kompetitif, jika 50% (separuh) daripada sumber tenaga manusia *human resources* tidak diberi peluang untuk mencapai potensinya.

Oleh itu perubahan adalah perlu, jika sebuah negara itu mahu mencapai potensinya secara penuh.

Banyak daripada penyebab untuk perubahan ini dalam status wanita adalah disebabkan oleh:

- ✚ pendidikan wanita (sama ada peluang, bilangan, kadar *literacy* meningkat);
- ✚ kemasukan wanita dalam *workforce*:

- ✚ bertambahnya *economic power/purchasing power* kaum wanita; dan
- ✚ wujudnya era konsumer.

## CAPACITY-BUILDING

Terdapat pelbagai cara untuk memperkasakan kaum wanita. Di sini saya akan menyentuh tentang usaha untuk meningkatkan pembinaan keupayaan wanita:

- ✚ melalui pendidikan;
- ✚ memberi latihan;
- ✚ mengadakan *support system* seperti mengadakan dasar dan program mesra-keluarga di tempat kerja;
- ✚ menghapus penghalang kepada peningkatan kemajuan wanita (*women advancement*) seperti menghapuskan berat sebelah gender, jurang gender, diskriminasi gender dan diskriminasi terhadap wanita. Banyak manifestasi *gender-based violence* atau *violence-against- women* (keganasan terhadap wanita) seperti keganasan terhadap isteri, jenayah rogol, sumbang mahram, dll. (Bagaimana cara menukar mindset masyarakat supaya dihapuskan keganasan terhadap wanita merupakan satu cabaran bagi kaum wanita);
- ✚ mewujudkan *gender mainstreaming* dalam sektor awam untuk memasukkan kepentingan wanita, keluarga dan kanak-kanak.

## GOOD GOVERNANCE

Untuk memperkasakan wanita, satu aspek yang penting ialah amalan *Good Governance*, antara lainnya bermaksud:

- ✚ amalan *meritocracy* di mana promosi dan kenaikan pangkat dalam sektor awam (sektor swasta - terpulang kepada orang yang empunya perniagaan) adalah berasaskan

kebolehan, bakat, pelaksanaan, *delivery, performance* dan bukannya yang berasaskan kepada *nepotism* dan *favoritism*. Bagi membolehkan wanita mengambil kira kepentingan keluarga dan kanak-kanak, maka amat penting ditempatkan wanita dalam peringkat pembuat keputusan.

- ✦ demokrasi yang bermakna 50% penyertaan dan perwakilan wanita.

Salah satu daripada sebab terjadinya *gender gap* ialah diskriminasi terhadap gender, yang berakar umbi dengan *mindset* yang perlu ditukar iaitu keganasan terhadap wanita berupa pelanggaran hak asasi wanita yang merupakan salah satu prinsip utama Bangsa-Bangsa Bersatu. Salah satu manifestasi keganasan terhadap wanita ialah keganasan terhadap isteri atau *domestic violence*, *verbal dan sexual abuse* di tempat kerja, dan bentuk yang amat buruk ialah jenayah rogol dan sumbang mahram.

Mengikut kenyataan dari Laporan World Bank (2004) "Masyarakat yang mengamalkan diskriminasi gender, menanggung:

- ✦ akibat yang signifikan dalam usaha pengurangan kemiskinan;
- ✦ pertumbuhan ekonomi yang lembab;
- ✦ pemerintahan yang lebih lemah;
- ✦ kualiti penghidupan yang lebih rendah.

Sebaliknya, negara-negara yang mengamalkan langkah-langkah tertentu untuk mengurangkan *gender gap*, maju dengan lebih cepat dalam bidang ekonomi, dan mempunyai amalan amalan bisnes dan kerajaan yang lebih etika. Dan di mana terdapatnya pengaruh wanita dalam kehidupan awam yang lebih besar, maka tahap korupsi adalah rendah.

Semua orang sedar dan bersetuju akan kepentingan *Good Governance*. Terdapat berbagai aspek penting dalam amalan *Good Governance* dan salah satu daripadanya ialah amalan *Meritocracy*. Dalam pendekatan bagi perkembangan wanita dan dalam pengurangan jurang *gender gap*, amalan *meritocracy* dapat mengurangkan jurang gender.

### **GOLONGAN ELITE**

"Kumpulan cerdik pandai" atau golongan *elite* yang terdiri daripada mereka yang terbaik dalam masyarakat disebabkan kuasa, bakat atau kekayaan. Kumpulan dalam masyarakat iaitu kumpulan teras yang sedang memegang jawatan tinggi dan penting (*key positions of power*) berpengaruh, dan dipertanggungjawabkan untuk menentukan arah haluan dalam memajukan masyarakat dan negara. Golongan *elite* diharap akan menggunakan pengaruh mereka untuk kebaikan ramai dan bukan hanya bagi menjaga kepentingan golongan kecil mereka tanpa menghiraukan masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat.

### **SOCIAL MOBILITY**

Dari segi sejarah AS merupakan masyarakat imigran, dan penubuhannya adalah berasaskan kepada: demokrasi, kebebasan, dan persamaan.

Rakyatnya mempunyai kepercayaan yang kuat dalam *social mobility*, di mana seseorang itu boleh mencapai kejayaan dan kedudukan tinggi dengan kebolehan dan usaha gigihnya sendiri. Saya percaya banyak peserta di seminar ini mempunyai aspirasi dan cita-cita masa depan seperti ini, iaitu dengan bekerja gigih, "bakarlah", berdisiplin dalam bidang masing-masing hingga ke tahap *excellence*, maka akan membawa kepada kemuncak kejayaan. Ini akan berlaku dengan adanya



amalan meritokrasi dalam *Good Governance* yang sudah di "*put in place*" dan diamalkan. Ini akan membolehkan semua lapisan masyarakat mendapat peluang untuk mencapai kedudukan tinggi dan kejayaan tanpa *nepotism* dan *favoritism*.

Bagi Negara Brunei Darussalam, satu negara Islam yang progresif, mengamalkan *Good Governance* yang berunsurkan ciri-ciri kebruneian termasuklah amalan demokrasi yang mempunyai, antara lain:-

- ✚ sistem penghakiman yang bebas;
- ✚ amalan *rule of law* yakni keutuhan undang-undang;
- ✚ adanya *transparency* dan akauntabiliti dengan adanya perdebatan, suara melalui media masa, *responsible journalism* mengenai isu-isu utama yang berkaitan dengan kepentingan negara dan bangsa.

## MASYARAKAT AWAM

Thomas Jefferson pernah menyatakan dalam tulisannya mengenai AS iaitu '*a natural aristocracy of virtue and talents*' dan bukannya "*an artificial aristocracy founded on wealth and birth*". Sememangnya Amerika Syarikat membentuk satu masyarakat yang lebih '*socially mobile*' dari masyarakat-masyarakat yang sudah tua dan lebih matang di Eropah.

Lihatlah misalnya -

- ✚ Colin Powell, anak kepada imigran dari Jamaica mencapai kedudukan selaku Setiausaha Negara AS (*Secretary of State*); dan sekarang Condoleezza Rice;
- ✚ B Gates dan Michael Dell, dari keluarga sederhana, mewujudkan dua buah syarikat sejagat dalam bisnes komputer.

Masyarakat mobiliti seperti ini tinggi pula "keprihatinan" atau *civic mindedness* terhadap masyarakat, terutama bagi mereka yang berjaya dan kaya yang tidak mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap masyarakat. Masyarakat yang berkeprihatinan atau "*consciousness*" merupakan satu kekuatan masyarakat Amerika di mana saja mereka berada. Mereka menubuhkan kumpulan dan persatuan untuk menyelesaikan masalah masyarakat dan mempromosikan kepentingan demi kebaikan dan hak asasi masing-masing. Mereka melibatkan diri dalam masalah-masalah sosial dan banyak menyumbang kepada perkhidmatan sukarela. Sebagai misalan, Henry Kissinger masih mengajar di sebuah sekolah orang Hispanic di New York, sementara Michael Bloomberg berhenti daripada pekerjaan yang bergaji lumayan sebagai CEO untuk menjadi Mayor New York.

Sekarang, dengan adanya *social mobility* yang mengikut perubahan masa, maka para atlet dan *sportsmen*, pereka fesyen, bintang filem, penyanyi yang mempunyai bakat dapat memasuki taraf *elite* yang tinggi. Jennifer Lopez or J Lo, sekarang diiktiraf sebagai superstar berasal dari Puerto Rica yang tinggal di Bronx, New York.

Pada keseluruhannya, Amerika Syarikat merupakan masyarakat "*most mobile society*" yang mempunyai golongan elite yang berfikiran terbuka dan dinamik yang mengamalkan corak *meritocracy*, dan tiadanya *nepotism*. Inilah salah satu sebabnya Amerika Syarikat pada hari ini merupakan salah sebuah negara "*super power*" yang terkuat di dunia.

Di Negara Brunei Darussalam, adalah harapan kita untuk menyerapkan "*to engender*" satu semangat "*ownership*" yang lebih kuat di kalangan "*stakeholders*" seperti kitani di seminar ini,

seperti belia-belia, *undergraduates*, *graduates*, penuntut-penuntut, sektor swasta/NGO, persatuan bekas pegawai dan kakitangan kerajaan, persatuan bekas perajurit, supaya menguatkan semangat masyarakat awam di Negara Brunei Darussalam.

Dari itu, amalan *meritocracy* diharap akan dapat membuka jalan bagi wanitawanita yang berkebolehan dan berbakat untuk menjadi golongan *elite* yang berpengaruh dalam perkembangan dan kemajuan negara di masa hadapan.

### ***BUSINESS "ALI-BABA" DAN SITUASI CONFLICT OF INTEREST BAGI PEGAWAI / KAKITANGAN KERAJAAN, SEBAGAI PENGHALANG KEPADA SIFAT MANDIRI***

Saya amat tertarik dengan salah satu puisi yang disampaikan semasa Sambutan Hari Kebangsaan yang Ke-21 (2005) di mana di dalam senikata puisi tersebut ada menyebut mengenai "Ali-Baba".

Perdebatan hangat sama ada di kedai kopi, di bilik mesyuarat AJK rendah dan tinggi mengenai amalan sensitif dan berleluasa "Ali-Baba" khususnya dalam sektor perniagaan seperti kedai-kedai runcit yang dioperasikan oleh pekerja asing "*unskilled dan semiskilled*" dari *South Asia* (India/ Bangladesh/ Pakistan). Senario sekarang didapati kedai runcit tumbuh seperti endawan "*mushrooming*" umpamanya di sepanjang kilometer 7 Jalan Jerudong yang terdapat 20 kedai runcit dan restoran dan gerai. Sektor ini banyak bergantung kepada pekerja asing.

Menyewakan lesen perniagaan kepada rakyat asing merupakan amalan yang amat sensitif dan berleluasa. Berapakah peratusnya orang yang menyewakan lesen perniagaannya kepada rakyat asing? Satu pemegang lesen mendapat di antara \$50 hingga \$500 sebulan dari satu lesen atau satu kuota, tanpa membuat apa-apa. Pemegang lesen tidak perlu tahu atau mempelajari selok-

belok menjalankan bisnes seperti kos operasi, untung/rugi, *accounting*, *networking*, *retailing*, kerana semua pengurusan bisnes seharian dijalankan oleh bangsa asing yang menyewa? Apa yang utama ialah mendapat bayaran "sewa" lesen saja pada hujung bulan. Penyewa lesen memang memberi pekerjaan kepada "orang-orangnya" sahaja kerana gajinya rendah, murah daripada *overhead* yang lain, "stay at the job".

Memang benar, buruh asing, dapat mengurangkan kos menjalankan bisnes, dan boleh menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bersedia menerima gaji rendah dan menjadi buruh kasar. Pekerja asing telah mengisikan *gap* dalam sektor-sektor dimana adanya kekurangan buruh tempatan atau kerja yang tidak diisikan oleh belia tempatan. Lihat apa yang terjadi di Malaysia apabila beribu pekerja haram dihantar balik ke negera asal mereka? *Standstill*. Sekarang Malaysia mungkin mengimpot pekerja dari Pakistan. Walaubagaimanapun, Malaysia adalah sebuah negara di mana agro-industinya memerlukan banyak buruh kasar.

Sebagai *stakeholders*, kita mestilah memikirkan apakah kesan panjang dan pendek (*the long and short term*) dari kehadiran pekerja asing di NBD. Kita perlu mendapatkan *political will* bagi menyelesaikan isu ini kerana:

- ✦ adakah benar ia menambah kepada peningkatan tahap pengangguran dikalangan belia/beliawanis lepasan sekolah?;
- ✦ jika tahap pengangguran meningkat, maka adakah keadaan ini akan menggugat kestabilan masyarakat?;
- ✦ adakah pekerja asing menoreh (*tapping*, sumber negara seperti kemudahan kesihatan, *utility* awam, mencemarkan persekitaran, dll?).

## KESIMPULAN

- 1) Wanita sebagai *stakeholders* masa depan perlu diambil kira akan potensi mereka dalam pembangunan negara. Adalah penting mengurangkan atau lebih baik menutup jurang gender yang membolehkan wanita menjadikan pemimpin *workforce* yang dapat membantu perkembangan dan kemajuan negara.
  
- 2) *Meritocracy* dalam perspektif *good governance* boleh
  - ✦ menjamin kepentingan kaum wanita untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya.
  - ✦ memberi peluang kepada semua *stakeholders* yang berusaha gigih mencapai atau mendapat kejayaan.
  
- 3) Pentingnya isu Ali-Baba diselesaikan kerana ia merupakan sifat yang bertentangan dengan "mandiri", bekarih sendiri. Adakah kebimbangan mengenai perkara ini benabemar berasas? Isu ini dibincangkan dalam forum seperti ini supaya dapat penyelesaian dalam mengendalikan masalah penganguran tempatan seperti belia lepasan sekolah.

## MAKE IT HAPPEN!

Sifat *RESILIENCE* bererti mudah balik kepada keadaan yang asal selepas mengalami kemunduran atau kegagalan, yakni *setback*.

## RUJUKAN

- Masyarakat Sivil bersempena Persidangan Belia (2002) anjuran Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Majlis Belia Brunei, Majlis Wanita NBD, ditulis dan disampaikan oleh Datin Hajah Masni binti Haji Mohd Ali, Yang Dipertua Majlis Wanita NBD.
- Kertas Kerja "Gender-based Violence" bersempena 2003 Seminar Kebangsaan Isu-Isu Sosial anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, ditulis oleh Datin Hajah Masni binti Haji Mohd Ali, Yang Dipertua Majlis Wanita NBD.
- Kertas Kerja "Women Management – Excellence in the Workplace: Setting New Directions & New Paradigm", (semasa 2005 "ASEAN WOMEN SUMMIT" anjuran "Asian Strategy & Leadership Institute") – oleh Datin Hajah Masni binti Haji Mohd Ali, Yang Dipertua Majlis Wanita NBD.
- "An elite dedicated to serving one and all" Prime Minister Singapore, Lee Hsien Loong at the National University Society Lecture, 19 March 2005.